



UNTUK GAZA...Dekan FBMK, Prof Madya Dr Che Ibrahim Salleh menyerahkan kutipan derma kepada Dr Aini di Malam Ekspresi Palestin.

## FBMK anjur Malam Ekspresi Palestin

**S**ERDANG: Usaha membantu rakyat Palestin yang menderita akibat kekejaman rejim Zionis Israel tidak hanya membabitkan negara, korporat, badan bukan kerajaan dan masyarakat keseluruhannya, malah disertai golongan pelajar institusi pengajian tinggi.

Pelbagai kaedah diadakan bagi menyemarakkan sentimen mengecam tindakan zalim itu selain menimbulkan unsur kesedaran dalam diri mahasiswa, termasuk menerusi Malam Ekspresi Palestin yang dianjurkan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penganjuran majlis itu diadakan baru-baru ini, menjadi medan warga kampus induk UPM termasuk mahasiswa, kakitangan akademik dan sokongan menyuarakan pendapat mengutuk tindakan Israel, malah dorongan kepada saudara seagama di Wilayah Gaza.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah dalam ucapannya berkata, malam ekspresi itu perlu digunakan seluruh

warga kampus sebaik mungkin menzahirkan empati terhadap penderitaan rakyat Palestin terutama wanita dan kanak-kanak.

"Kita wajib membela dan meringankan penderitaan saudara Islam di Palestin dengan mengambil tindakan menghulur bantuan mengikut terdaya ataupun menerusi pemberian sokongan moral."

"Penganjuran majlis ini diharap mampu menjadi simbol kepada sokongan semua pihak terhadap rakyat di sana (Palestin) selain kesedaran kepada warga kampus khususnya mahasiswa," katanya ketika merasmikan Malam Ekspresi Palestin di Wisata Seni, FBMK.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Majlis itu menyaksikan deklamasi dan nyanyian lagu puisi siswa-siswi dan kakitangan UPM selain tetamu kenamaan antaranya termasuk bekas Menteri Pernegerian, Datuk Seri Zainuddin Maidin dan artis tempatan Fara Wahida.